

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	PERALIHAN MONSUN BERI KESAN CUACA
	SUMBER	BH (25 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (NASIONAL)

Peralihan monsun beri kesan cuaca

Orang ramai dinasihat lebih berwaspada kemungkinan berlaku banjir, tanah runtuh

Oleh Ercy Gracella Ajos
ercy.gracella@bh.com.my

Kuala Lumpur: Banjir kilat, tanah runtuh dan kepala air, selain puting beliung antara kesan cuaca yang diramal boleh berlaku sepanjang fasa peralihan monsun yang bermula semalam.

Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) memaklumkan kesan cuaca susulan peralihan antara Monsun Barat Daya dan Monsun Timur Laut itu dijangka berlarutan sehingga awal November.

Melalui satu hantaran di laman X, METMalaysia memaklumkan tiupan angin lemah dari pelbagai

arah boleh berlaku sepanjang tempoh peralihan ini.

Meskipun corak cuaca bagi fasa peralihan ini menunjukkan langit cerah pada waktu pagi, katanya keadaan pada sebelah petang hingga awal malam boleh menyaksikan berlaku ribut petir dan hujan lebat disertai angin kencang secara menyeluruh dalam tempoh singkat.

Risiko puting beliung


"Kejadian puting beliung dan hujan batu turut berpotensi berlaku pada tempoh peralihan ini.

"Kesan cuaca peralihan monsun ini termasuk kejadian banjir kilat, tanah runtuh, kepala air, pokok tumbang, panahan kilat serta kerosakan struktur tidak kukuh," katanya.

METMalaysia turut menasihatkan orang ramai lebih berwaspada ketika tempoh ini dan sentiasa peka dengan ramalan dan amaran cuaca dikeluarkan melalui laman web rasmi, aplikasi mobil myCuaca dan media sosial rasmi jabatan.

Orang ramai boleh menghubungi hotline jabatan di talian 1-300-22-1638 bagi pertanyaan lanjut.

FASA PERALIHAN MONSUN



2.	TAJUK	LIMA DITUDUH SABOTAJ, CEMARI SUNGAI LINGGI
	SUMBER	BH (27 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	14 (NASIONAL)

Lima dituduh sabotaj, cemari Sungai Linggui

Pengarah kilang warga Singapura dan empat yang lain tak dibenar ikat jamin

Oleh Mary Victoria Dass
bhnews@bh.com.my

Kota Tinggi: Lima individu, termasuk pengarah sebuah kilang warga Singapura didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana melakukan sabotaj terhadap perkhidmatan air di Bandar Tenggara, 4 September lalu.

Mereka ialah pengarah dan pemegang saham sebuah kilang, Tan Eng Yong, 41, (warga Singapura); Lau Kam Wai, 53 didakwa bersubahat dengan R Navaraj, 23; K Prasanth, 28 dan K Jaya Kumar, 52, yang juga pemandu lori dan kelindan bagaimanapun mengaku tidak bersalah, selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Hayda Faridzal Abu Hasan.

Eng Yong dan Kam Wai bersama Navaraj, Prasanth dan Jaya Kumar bersama seorang lagi yang masih bebas, didakwa secara tidak langsung melakukan sabotaj, iaitu menyebabkan mudarat terhadap pemeliharaan



Eng Yong (depan) dan Kam Wai dibawa ke Mahkamah Sesyen Kota Tinggi untuk pendakwaan melakukan sabotaj terhadap perkhidmatan air, semalam.

(Foto Mary Victoria Dass/BH)

perkhidmatan utama iaitu perkhidmatan air.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di kawasan lombong Kampung Orang Asli Pasir Intan, Bandar Tenggara antara jam 8 malam hingga 11.30 malam 4 September lalu.

Mereka dituduh mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaaan dan dibaca bersama dengan

Seksyen 124K Kanun Keseksaaan yang memperuntuk hukuman penjara maksimum 40 tahun jika sabit kesalahan.

Sebutan semula kes 14 November

Dalam pertuduhan berasingan, Navaraj, Prasanth dan Kaliarasan didakwa secara tidak langsung melakukan sabotaj, menyebabkan mudarat terhadap peme-

liharaan perkhidmatan utama, iaitu perkhidmatan air, dan pada tarikh yang sama.

Mereka didakwa melakukan perbuatan itu di kawasan lombong Kampung Orang Asli Pasir Intan, Bandar Tenggara, antara jam 8 malam hingga 11.30 malam, pada 4 September lalu.

Mereka dituduh mengikut Seksyen 124K Kanun Keseksaaan dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaaan yang memperuntuk hukuman penjara maksimum 40 tahun, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Malik Ayob; Nor Azizah Aling dan Nadia Mohd Izhar.

Eng Yong dan Kam Wai diwakili peguam Muhammad Mohd Nasir dan Goh Sze Han.

Mahkamah kemudian menetapkan 14 November ini untuk sebutan semula kes dan tiada sebarang jaminan dibenarkan untuk semua tertuduh.

Awal bulan ini, Johor berdepan beberapa pencemaran bau dipercayai berpunca daripada pembuangan sisa kimia di sungai sekitar Johor Bahru dan Kota Tinggi.

Lebih 38 penduduk Orang Asli di Kampung Pasir Intan terpaksa dipindahkan ke balai raya kampung berdekatan, selepas mendakwa sesak nafas dan sukar bernafas susulan pencemaran bau Sungai Linggui, iaitu anak Sungai Sayong.

3.	TAJUK	8 TONG CECAIR SISA KIMIA DALAM PARIT
	SUMBER	BH (18 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	14 (NASIONAL)

8 tong cecair sisa kimia dalam parit

Kuala Lumpur: Lapan tong berisi cecair dipercayai sisa kimia di percayai dibuang ke dalam parit di Kampung Desa Aman, Sungai Buloh, dekat sini.

Semua tong berkenaan ditemui Selasa lalu sebelum dimaklumkan kepada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) kira-kira jam 9 malam.

Penolong Pengarah Operasi JBPM Selangor, Ahmad Mukhlis Mokhtar, berkata sepasukan pegawai dan anggota daripada Balai Bomba Penyelamat (BBP) Sungai Buloh dikerahkan ke tempat berkenaan sejurus dimaklumkan penemuan itu.

"Hasil pemeriksaan, lapan tong sisa buangan jenis cecair ditemukan di dalam parit dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengambil sampel bagi tujuan penilaian.

"Tindakan seterusnya akan diambil selepas mendapat keputusan pemeriksaan dijalankan," katanya melalui kenyataan semalam.

Dalam pada itu, JBPM Selangor masih menjalankan pemantauan di tempat berkenaan untuk mengelak kejadian tidak diingini, selain dibantu unit HAZMAT untuk tugas mengambil sampel.

JBPM memaklumkan pihaknya juga memantau kerja mengalih tong berkenaan ke kawasan selamat.

Selain JBPM dan JAS, turut terlibat dalam operasi itu ialah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Pejabat Tanah, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).



Anggota HAZMAT menjalankan operasi pemindahan lapan tong disyaki mengandungi bahan kimia yang dibuang ke dalam parit di Kampung Desa Aman, Sungai Buloh. (Foto ihsan JBPM)

4.	TAJUK	SINGAPOREAN AMONG 5 CHARGE WITH POLLUTING JOHOR RIVER
	SUMBER	NEW STRAITS TIMES (27 SEPTEMBER 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (NEWS/NATION)

BAIL DENIED

SINGAPOREAN AMONG 5 CHARGED WITH POLLUTING JOHOR RIVER

They claim trial to sabotaging, damaging essential water services

MARY VICTORIA DASS
KOTA TINGGI
news@nst.com.my

FIVE men, including a Singaporean, pleaded not guilty at the Sessions Court here yesterday to charges of sabotage and causing harm to the maintenance of essential services, namely the water supply in Bandar Tenggara, on Sept 4.

The accused include a company director and shareholder Tan Eng Yong, 41, a Singaporean, and Lau Kam Wai, 53, a Malaysian.

The other defendants are truck driver and assistants R. Navaraj, 23, K. Prasanth, 28, and K. Jaya Kumar, 52.

Tan and Lau were charged with conspiring with the other defendants on Sept 4 between 8pm and 11.30pm at the mining area at Kampung Orang Asli Pasir Intan, Bandar Tenggara here.

They were charged with abetting sabotage and causing harm to the maintenance of essential water services on that date.

The charge sheet states that they conspired with another individual, who remains at large, and the offence is punishable under Section 109 of the Penal Code



Tan Eng Yong (right) and Lau Kam Wai (second from right) were charged with conspiring with the other defendants on Sept 4 between 8pm and 11.30pm at the mining area at Kampung Orang Asli Pasir Intan, Bandar Tenggara, in Johor

(Act 574) read together with Section 124K, which provides for imprisonment of not less than 30 years and not more than 40 years upon conviction.

In a separate charge, Navaraj, Prasanth, and Kaliarasan were accused of committing the same offence between 8pm and 11.30pm on Sept 4 at the same location.

All defendants acknowledged the charges, which were read in Bahasa Malaysia and Mandarin, and claimed trial.

The prosecution was led by

deputy public prosecutors Abdul Malik Ayob, Nor Azizah Aling and Nadia Mohd Izhar.

Tan and Lau were represented by lawyers Muhammad Mohd Nasir and Goh Sze Han.

Sessions Court judge Hayda Faridzal Abu Hasan set Nov 14 for case mention and for the transfer process to the Johor Baru High Court.

Hayda denied bail for all defendants.

During the court proceedings, Prasanth collapsed, disrupting proceedings for three minutes.

After the charges were read, Prasanth informed the court that he was innocent, claiming he did not know the contents of the items he was carrying during the incident.

However, Hayda said this statement could be addressed during the trial in the High Court.

Earlier this month, Johor faced a series of odour pollution incidents believed to be caused by the dumping of chemical waste in rivers in Johor Baru and Kota Tinggi.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**